

AUDIT COPPA 2011

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 29 September 2010 13:35

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

29 SEPTEMBER 2010 / 20 SYAWAL 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: COPPA (Code of Practice for Programme Accreditation) adalah instrumen yang diguna pakai oleh **MQA (Malaysian Qualification Agency)** untuk menilai dan mengaudit piawaian program-program akademik (siswazah dan pascasiswazah) yang ditawarkan oleh semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang beroperasi di Malaysia.

Universiti Utara Malaysia akan menjalani audit COPPA bagi seluruh program siswazah dan pascasiswazah pada 2011. Sehubungan dengan itu, persiapkan ke arah penyediaan semua dokumen berkaitan seperti yang dikehendaki oleh MQA sedang giat dilakukan bermula sekarang sehingga akhir Disember 2010. Kegagalan universiti mendapat pengiktirafan ini akan mengakibatkan program berkaitan tidak boleh ditawarkan serta penafian kelayakan pelajar terhadap pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Di peringkat kolej akademik, usaha ini diketuai oleh Penolong-penolong Naib Canselor yang melibatkan semua Dekan, Timbalan Dekan, Pengerusi dan Penyelaras Program serta dibantu oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) bukan akademik yang bertindak sebagai 'feeder' kepada keperluan dokumen. Bagi tujuan pelarasan, penyampaian maklumat dan pandangan, mereka boleh dihubungi melalui COPPAnet@uum.edu.my yang telah diwujudkan.

Adalah diharapkan semua warga kerja UUM dapat memberikan perhatian dan kerjasama padu dalam persediaan dan penyediaan dokumen secara berterusan sehingga akhir tahun demi menjayakan misi besar ini seperti mana yang telah kita sama-sama pamerkan semasa audit **COPIA (Code of Practice for Institutional Audit)** yang lalu.

Maklumat dan penjelasan lanjut berkaitan hal ini bolehlah diajukan ke **Sekretariat COPPA** dengan menghubungi Dr. Faridahwati Shamsudin di talian 04 - 928 5642, Prof. Madya Dr. Razamin Ramli di 04 - 928 6918 atau Encik Mohamad Fadzil Samiran di 04 - 928 5643.

Habis.